



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Suri rumah rugi RM309,311 kena tipu 'Phone Scam'
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 6 May 2021

Language: Bahasa Malaysia
Section: Nasional
Page: 26

Suri rumah rugi RM309,311 kena tipu 'Phone Scam'

**Terima panggilan
dakwa terbabit
pengubahan
wang haram**

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Seorang suri rumah kerugian RM309,311 dipercayai terperdaya dengan 'Phone Scam', bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisiner Mohd Padzli Mohd Zain, berkata terdahulu wanita tempatan berusia 55 tahun itu dikatakan menerima panggilan daripada individu mendakwa pegawai agensi kerajaan.

Beliau berkata, individu itu memaklumkan kononnya ada syarikat yang didaftarkan atas

nama wanita terbabit, menjalankan kegiatan pengubahan wang haram.

"Mangsa mendakwa kemudian diminta memuat turun satu aplikasi dan mengisi segala maklumat akaun banknya.

"Selepas mengisi segala maklumat akaun bank, mangsa dikatakan mendapati berlaku pemindahan wang secara berperingkat daripada akaun mangsa sejak 2 hingga 5 April lalu, ke

empat akaun bank berlainan.

"Ia menyebabkan mangsa kerugian sebanyak RM309,311," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, Mohd Padzli berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan, menerima laporan daripada mangsa pada jam 4.07 petang kelmarin.

Beliau berkata, kes disiasat

Selepas mengisi segala maklumat akaun bank, mangsa dikatakan mendapati berlaku pemindahan wang secara berperingkat daripada akaun mangsa sejak 2 hingga 5 April lalu, ke empat akaun bank berlainan

Mohd Padzli Mohd Zain,
Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan



mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi 10 tahun, boleh dikenakan denda serta sebatan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati apabila menerima panggilan daripada individu tidak dikenali yang mendakwa mereka terbabit pengubahan wang haram atau sebarang kes jenayah.

"Jika diminta untuk muat turun sebarang aplikasi menerusi telefon bimbit dan mengisi data berkaitan butiran diri serta akaun bank, dinasihatkan supaya tidak mengikut arahan itu.

"Jika berasa curiga, boleh terus melaporkannya di balai polis berhampiran," katanya.

Orang ramai yang ada sebarang maklumat berkaitan jenayah, boleh hubungi IPD Johor Bahru Selatan melalui talian hotline 07-2182323.